



## Keperibadian 'Abah' disenangi rakan

Imran mengetahui sesi bacaan ikrar MPP USIM 2015/2016.

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bh.com.my

► Nilai

**Y**ang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Imran Razalle, lebih mesra disapa dengan gelaran 'abah' oleh warga kampus kerana perwatakan serta penampilannya yang jauh lebih matang berbanding umur muda 21 tahun.

Latar belakang kepemimpinan yang jelas pelajar Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang itu membentuk keperibadian yang disenangi, bermula dengan pelantikan sebagai ketua pelajar bagi program pengajiannya seawal tahun pertama mengikuti penga-

jian di USIM pada tahun 2012.

Pelantikan sebagai Exco Dakwah dan Kebajikan Kelab Syariah dan Undang-undang pada tahun 2013 diikuti mandat sebagai Exco Perhubungan Korporat dan Antarabangsa Majlis Perwakilan Pelajar USIM pada tahun 2014 semakin menyerlahkan bakat kepemimpinan beliau hingga diberi kepercayaan menerajui badan kepemimpinan pelajar itu mulai tahun lalu.

"Saya dilahirkan sememangnya dalam golongan yang rapat dengan kepemimpinan. Saya sering mendapat inspirasi dengan kepemimpinan bapa, Razalle Dollah yang memegang amanah sebagai Timbalan Presiden Persatuan Pembantu Farmasi Malaysia Barat.

### Lihat perubahan

"Saya terdetik untuk terabit dalam MPP kerana ingin

melihat perubahan berlaku di kampus USIM dalam segenap aspek termasuk intelektual, spiritual, kebajikan mahupun pembangunan mahasiswa itu sendiri dengan meletakkan asas Islam sebagai panduan dalam semua gerak kerja mahasiswa," katanya.

Imran menganggap kesibukan memikul amanah sebagai pemimpin pelajar sebagai satu rahmat kerana menjadikan beliau lebih bertanggungjawab serta menguruskan masa dengan bijaksana bagi mengimbangi aktiviti akademik, organisasi, keluarga dan ibadat.

Beliau berkata, perjuangan dan pengalaman dalam arena kepemimpinan menjadikannya lebih matang dalam membuat keputusan, berurusan sesama insan serta mempersiapkan diri untuk memimpin masyarakat.

"Saya seorang yang periang tetapi tegas dan serius dalam melakukan pekerjaan. Dengan penerimaan pelantikan ini, beban tanggungjawab memang terasa.

"Namun, saya melihat perkara itu sebagai wadah yang baik untuk menegenahkan model

kepemimpinan Islam dan menjadikan syariat Islam sebagai dasar dalam pelaksanaan segala perkara," katanya.

Imran tidak menafikan MPP di bawah terajunya tidak terlepas daripada teguran dan kritikan



dan beliau menggunakan pendekatan bijaksana serta berhikmah dalam menanganinya.

### Konsep syura

Beliau memilih pendekatan Rasulullah iaitu dengan mengutamakan konsep syura atau bermesyuarat dalam menyelesaikan sesuatu isu bagi mendapatkan pandangan ahli dan nasihat daripada mereka yang lebih pakar dalam bidang berkaitan.

"Segala permasalahan akan dibincangkan bersama-sama seluruh ahli MPP supaya beban kritikan itu tidak akan dihadapi berseorangan bahkan sebagai organisasi supaya kami saling menguatkan antara satu sama lain. Sentiasa kembali kepada Allah dan Rasul dalam menyelesaikan permasalahan," katanya.

Mengulas lanjut, Imran berkata, kepemimpinan mahasiswa Islam seharusnya mendalami sirah serta perjuangan ulama terdahulu dalam bidang kepemimpinan dan politik agar mahasiswa acuan Rasulullah dapat dilahirkan.

Katanya, pembabitan mahasiswa dalam politik kampus, contohnya, perlu ditangani secara intelek dan untuk kebajikan mahasiswa, bukan berasaskan kepentingan individu atau kumpulan tertentu semata-mata.

"Harapan saya agar mahasiswa dan pentadbiran sentiasa bersama serta saling berganding bahu untuk membina USIM seterusnya membawa perubahan kepada bidang keilmuan dan memberikan nilai padanya.

"Bersama-sama kita menjadikan USIM sebagai sebuah daerah yang mana nilai keilmuan disanjung dan Islam dimartabat supaya warga universiti ini mampu memimpin masyarakat ke arah perubahan yang lebih baik," katanya.